

Kadar pancaran RF ini mematuhi **Standard Mandatori Bagi Emisi Elektromagnet (EMF) Dari Struktur Radiokomunikasi** yang telah ditetapkan oleh MCMC, dan tidak membawa kepada risiko kesan kesihatan kepada penduduk yang tinggal berdekatan.

Untuk makluman ahli yang berhormat, pancaran frekuensi radio (atau Pancaran RF) daripada menara dan struktur pemancar komunikasi dikenali sebagai pancaran radiasi tidak mengion (*non-ionizing radiation*).

Radiasi Tidak Mengion (*Non-Ionizing Radiation*) tidak memiliki tenaga yang cukup untuk mengubah tindak balas kimia pada tubuh badan dan jirim hidup, serta tidak mendatangkan kesan buruk pada manusia.

Radiasi tidak mengion sama sekali berbeza dengan radiasi mengion (*ionizing radiation*) seperti radiasi Sinar-X dan Sinar-Gamma yang bersifat radioaktif dan mampu memudaratkan sel hidup dan kesihatan manusia.

Pelbagai kajian di peringkat antarabangsa dan tempatan telah dijalankan sejak lebih 60 tahun yang lalu. Hasil kajian yang konklusif menunjukkan bahawa pendedahan kepada pancaran RF daripada menara dan struktur sistem pemancar tidak membawa kepada peningkatan risiko kanser, kesan-kesan kesihatan sebagainya.